

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HSK 341 – Seminar Aliran Pensejarahan Terpilih

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI **LAPAN [8]** SOALAN. JAWAB **EMPAT [4]** SOALAN SAHAJA.

1. Bandingkan penyebaran agama Hindu dan agama Islam di Kepulauan Melayu dari perspektif tempatan. Bagaimanakah agama-agama ini mempengaruhi masyarakat tempatan tersebut?
2. Kemasukan kuasa-kuasa barat dari abad ke 15 sehingga ke 18 telah mengubah susunan politik dan ekonomi Melayu. Apakah kesan perubahan ini ke atas negeri-negeri tempatan? Bahaskan.
3. Perstujuan London 1824 telah menafikan kewujudan konsep kedaulatan negeri-negeri Melayu. Bandingkan kedudukan konsep ini dalam Perstujuan Burney di antara British-Siam pada 1826.
4. "Kami terpaksa campur tangan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu oleh kerana keadaan huru-hara yang merugikan semua pihak". (Adrew Clarke) Dengan merujuk kepada beberapa buah negeri di semenanjung Tanah Melayu, sejauh manakah pernyataan ini benar?

5. Sumber-sumber tradisional Melayu seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* kononya tidak mempunyai nilai sejarah oleh kerana terdapatnya kelemahan-kelemahan tertentu. Bahaskan.
6. Bincangkan faktor-faktor tempatan yang difikirkan membantu James Brooke mengambil alih kuasa di Sarawak.
7. Kewujudan masyarakat majmuk telah bermula lebih awal daripada penjajahan British (di semenanjung Tanah Melayu). Dengan merujuk kepada sumber-sumber tradisional, bincangkan pernyataan ini.
8. Bezakan konsep “negeri” di kalangan orang-orang Melayu dan orang-orang Barat.

- 000 0 000 -